

26 rumah panjang dinaiki air

SIBU – Sebanyak 20 buah rumah panjang di sepanjang Jalan Nanga-Tajam dan Nangka Tamin di sini dinaiki air akibat banjir kilat semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri berkata, kawasan penempatan yang terlibat ialah Rumah (Rh) Nuyah, Rh Ina, Rh Ansa, Rh Nicholas Pang, Rh Alice, Rh Lesia, Rh Dato, Rh Jimbun, Rh Luly, Rh Leo Lanting, Rh Lawrence Meliyu dan Rh Itom.

Katanya, turut terlibat ialah Rh Jana, Rh Engkut, Rh Jentau, Rh Dagang, Rh Surang, Rh Maling, Rh Tatom dan Rh Nyabong.

“Jalan perhubungan yang terputus itu telah menjejaskan beratus-ratus penduduk daripada kaum Iban yang mendiami rumah panjang berkenaan.

“Buat masa ini tiada pemindahan dilakukan kerana paras air belum di tahap bahaya,” katanya ketika dihubungi semalam.


Bagaimanapun, katanya, pihak bomba bersama tentera tetap membuat pemantauan di kawasan yang terjejas itu dan bersiap sedia menjalankan operasi pemindahan penduduk jika keadaan banjir semakin serius.

Pada masa sama, pemantauan turut dilakukan di ka-

wasan penduduk yang terletak berhampiran dengan Sungai Batang Oya di sini, disebabkan paras air yang meningkat naik akibat hujan yang berterusan melanda bahagian ini.

Selain 20 rumah panjang yang terputus hubungan, katanya, terdapat lima lagi rumah panjang di sekitar Pekan Stapang dan sebuah rumah panjang di bahagian Hulu Batang Oya turut dilanda banjir semalam.

“Lima rumah panjang di pekan Stapang yang dinaiki air ialah Rh Das, Rh Harrison, Rh Mambang, Rh Unggang dan Rh Aping, manakala Rh Minggu di Hulu Batang Oya.



KEADAAN rumah panjang Harisson di Stapang berdekatan dengan Jambatan Sungai Oya di naiki air banjir semalam.

“Kawasan terlibat dinaiki air sedalam 0.3 hingga 0.9 meter dan semua penduduk diminta

berjaga-jaga serta bersiap-sedia untuk berpindah sekiranya diarahkan,” ujarinya.